

22 AUG 2003

SRAM TERIMA PERUNTUKAN RM1 JUTA

PETALING JAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM) mendapat durian runtuh apabila menerima peruntukan RM1 juta daripada Lembaga Totalisator Malaysia bagi menjalankan aktiviti mereka.

Pengarah Lembaga Totalisator Tunku Datuk Seri Shahabuddin Tunku Besar Burhanuddin menyampaikan peruntukan itu kepada presiden SRAM Datuk Mokhzani Mahathir pada satu majlis makan malam di sini, malam ini.

Majlis makan malam sempena ulang tahun ke-30 persatuan itu turut dihadiri Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang mewakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut hadir ialah Presiden Majlis Olimpik Malaysia Tunku Imran Tuanku Ja'afar yang juga presiden kedua SRAM dari tahun 1978 hingga 1989.

-- BERNAMA

HRS HM PR